

23 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Saman)/I

MAHKAMAH BATAL SAMAN TERHADAP PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membatalkan saman yang difailkan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia, mencabar pemecatannya daripada kabinet pada 2 Sept.

Hakim Datuk Mohamed Saari Yusoff membuat keputusan membatalkan saman Anwar dengan kos selepas membenarkan permohonan Peguam Kanan Persekutuan Datuk Zaitun Zauyah Puteh yang mewakili Dr Mahathir dan kerajaan.

Anwar, 51, yang memfailkan samannya pada 13 Nov memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya tidak mengikut perlembagaan dan bahawa Dr Mahathir telah melanggar Perkara 43 (5) semasa memecat beliau.

Beliau meminta mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya tidak sah dan batal serta tidak berkesan.

Anwar juga memohon satu pengisytiharan bahawa beliau masih lagi seorang menteri kabinet.

Dalam penghakimannya, Mohamed Saari berkata isu yang perlu ditetapkan ialah sama ada pembatalan pelantikan Anwar sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan tidak mengikut perlembagaan.

Mohamed Saari berkata walaupun tidak mengikut format, pada pendapatnya, surat pembatalan telah memenuhi Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu beliau tidak nampak perlunya perbicaraan atau perbahasan mengenai perkara itu.

"Dalam prosiding ini mengenai fakta dan undang-undang, saya membuat keputusan kes Anwar tidak boleh diterima atas sebab-sebab yang diberikan," tegas beliau.

Karpal Singh yang mewakili Anwar, berhujah bahawa mengikut artikel itu, Perdana Menteri hanya menasihati dan pembatalan harus dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Zaitun berhujah bahawa Perkara 43 (5) harus dibaca bersama Perkara 40 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa adalah mandatori bagi Yang di-Pertuan Agong untuk mengikut, menerima dan bertindak atas nasihat Perdana Menteri.

Mohamed Saari berkata biasanya Yang di-Pertuan Agong sendiri tidak memberitahu seseorang menteri mengenai pembatalan pelantikannya kerana tiada format yang ditetapkan, beliau boleh meminta setiausaha sulitnya menandatangani surat pembatalan itu.

"Saya tidak nampak kenapa Perdana Menteri sendiri tidak boleh menandatangani surat yang menyatakan keputusannya. Adalah benar tiada apa yang menunjukkan surat Perdana Menteri ditulis atas perintah Yang di-Pertuan Agong. Bagaimanapun saya berpendapat bahawa memandangkan Yang di-Pertuan Agong telah diberitahu mengenai keputusan itu, pengecualian itu itu tidak memberi apa-apa kesan."

Pada 21 Dis, Mohamed Saari menolak permohonan Anwar memindahkan saman sivilnya itu untuk didengar di hadapan hakim Mahkamah Tinggi yang lain atas alasan beliau dilantik Hakim Besar Malaya Datuk Wan Adnan Ismail untuk membicarakan kes itu.

Jabatan Peguam Negara memfailkan satu permohonan membatalkan saman Anwar atas alasan bahawa ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta satu penyahlahan proses mahkamah.

Anwar memfailkan satu afidavit jawapan sehari kemudian dengan berkata permohonan Peguam Negara itu kerana salah anggap.

Hari ini mahkamah mendengar hujah lanjut Karpal Singh dan Zaitun mengenai pendekatan yang harus diambil untuk menginterpretasikan Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Karpal Singh memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mohamed Saari esok.

-- BERNAMA

SBB RON